



بُولِيْتِيْنُ اِلْاِسْلَامِيَّةِ سَرَاوَكِ  
بُولِيْتِيْنُ اِسْلَامِيَّةِ سَرَاوَكِ

BIL.1 / 2021

# BULETIN IKMAS JAKIM



Laman Sesawang:  
[myikmas.islam.gov.my](http://myikmas.islam.gov.my)

جانواري - افريل ، جمادى الآخر - رمضان ١٤٤٢ هجرة



Majlis Khatam Hafazan Al-Quran IKMAS 2021



Program Ihya'  
Ramadan



Kursus Dakwah  
Bil Kitabah



Lawatan Ke Centre  
Of Technical  
Excellence  
Sarawak (CENTEXS)



<https://myikmas.islam.gov.my>



ikmassarawak



myikmas



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail

### KETUA EDITOR

Dr. Roziah binti Haji Chek

### SIDANG REDAKSI

Kartini binti Haji Ahmad

Ainuddin bin Haji Dolhakim

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhammad Fadhli bin Ahmat

### PENYELARAS

Shuhaib bin Supani

Nurul Sabariah binti Saini

Muhammad Faizul bin Kanaini

### JURUFOTO

Irwandy bin Sarkawi

Mohd Safwan bin Ismail

### PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Bahagian Akademik

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie

Bahagian Pembangunan Insan

Bahagian Penerbitan

Unit Jaminan Kualiti

### SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching

SARAWAK

(u/p : Bahagian Penerbitan)

Tel : 082-843477, 475

Faks : 082-843440, 439

Email : penerbitanikmas@gmail.com

## ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan ...	2
Sidang Redaksi ...	2
Kalam Ketua Editor ...	2
Tokoh Alumni IKMAS ...	3
Majlis Khatam Hafazan al-Quran ...	4
Majlis Anugerah Pengarah IKMAS ...	4
Webinar Perbandingan Agama ...	5
Kursus Pengajaran dan Pembelajaran ...	5
Bengkel Penulisan Jurnal ...	6
Kursus Dakwah Bil Kitabah ...	6
Program Bicara Intelek ...	7
Program Ihya' Ramadan dan Agihan Bubur Lambuk ...	7
Kursus Pembangunan Institusi Keluarga ...	8
Bengkel Modul Adab ...	8
Lawatan IKMAS ke CENTEXS ...	9
Majlis Penutupan SUKMAS ...	9
Forum Mahasiswa ...	10
Bengkel Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak ...	10
Artikel Staf ...	11-12
Lensa	13
Sekalung Tahniah ...	15
Jom Masuk IKMAS @ Syarat Kemasukan ke IKMAS ...	16

## Kalam Ketua Editor

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dirafa'kan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, maka Buletin

IKMAS kali ini dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih kepada Pengarah IKMAS selaku Penasihat Buletin yang sentiasa dinamik memberi idea bagi melestarikan penerbitan buletin ini. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada sidang redaksi, pegawai penyelaras buletin, jurugambar serta penyumbang artikel atas komitmen sepenuhnya dalam menayakan keberadaan buletin pada kali ini. Sesungguhnya penerbitan kali ini berintipati dan penuh bersejarah seiring dengan keberkatan dan kemuliaan bulan Ramadan al-Mubarak. Bersempena bulan penuh keberkatan ini akan menzahirkan banyak kebaikan serta keberhasilan buat IKMAS. IKMAS dalam rangka melebarkan sayap meniti persada Institusi Pendidikan Tinggi Islam unggul di Sarawak wajar mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan sejajar dengan kehendak serta keperluan semasa.

Hala tuju IKMAS yang jelas mampu memartabatkan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Sarawak. Justeru dalam menyahut cabaran tersebut, IKMAS telah mempersiapkan kaedah dan kepelbagaian program dengan berpusatkan pengajian Islam serta kemahiran bagi memperoleh keseimbangan dunia dan akhirat. Insya Allah IKMAS bakal melakar masa depan gemilang dengan melahirkan para *du'at* dan *huffaz* yang berkualiti dan berkaliber bagi meneruskan perjuangan keilmuan serta dakwah Islam serantau. Tahniah dan syabas juga kepada warga IKMAS sekalipun masih dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), namun aktiviti serta program yang dirancang berjaya dilaksanakan secara norma baharu (*new norm*) dengan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP). Program-program IKMAS walaupun tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka berikutan pandemik Covid-19, namun berjaya diorientasikan dalam norma baharu melalui sumber digital dalam dunia tanpa sempadan dengan jangkauan kapasiti lebih besar serta capaian informasi lebih meluas. IKMAS sumber inspirasi akan terus melangkah ke hadapan mematri kejayaan demi kejayaan demi kelestarian ummah.

Sehubungan itu, di sinilah perlunya kebijaksanaan para *du'at* dan *huffaz* IKMAS dalam membangunkan budaya keilmuan yang unggul seiring dengan kehendak dan keperluan semasa secara optimistik, proaktif dan dinamik. Kebijaksanaan ini tidak akan dapat dipatrikan tanpa nilai akhlak yang tinggi berasaskan dasar yang telah dibina oleh baginda Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan terbaik (*role model*) sepanjang zaman. Kesempurnaan agama dan akhlak Nabi SAW sudah pastinya menjadi ikutan terbaik dalam membina kredibiliti umat Islam ke arah melestarikan kecemerlangan ummah sejagat. Bahkan kemuliaan bulan Ramadan disaksikan dengan penurunan kitab suci al-Quran yang menjadi panduan serta sumber keilmuan Islam yang tidak terhitung nikmat dan rahmatnya kepada seluruh alam. Justeru, wajar pengeluaran buletin pada kali ini menitikberatkan keilmuan yang berpaksikan dua sumber rujukan utama iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi SAW sebagai asas utama penyebaran keilmuan Islam. Kebijaksanaan keilmuan dan akhlak al-Quran haruslah selari dan terserap dalam minda dan tindakan bagi memastikan makrifat keilmuan Islam tercapai. Semoga penerbitan buletin kali ini membuahkkan banyak manfaat khusus dalam memacu penyebaran keilmuan Islam yang unggul serta berautoriti. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian." (Surah al-Isra: 82).

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha menerbitkan buletin IKMAS pada kali ini. Semoga segala sumbangan yang diberikan diterima serta diberikan ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah SWT, Amiin...

Salam daripada Ketua Editor.





## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah IKMAS (2002-2005)
- Sekolah Menengah Teknik (SMT) Matang (Kejuruteraan Mekanikal), Kuching
- Sekolah Kebangsaan St. Thomas, Kuching

## KERJAYA

- Ketua Polis Balai Batu Kawa (2020-kini)
- Pegawai Gerakan IPD Padawan (2017-2020)
- Pegawai Turus D2 Bahagian Cap Jari (Penolong Pendaftar Jenayah Malaysia/Singapura), Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak (2016-2017)
- Pegawai Penyiasat Jenayah IPD Kuching (2014-2016)
- Pegawai Penyiasat Jenayah IPD Serdang, Selangor (2010-2013)
- Pegawai Penyiasat Jenayah IPD Subang Jaya, Selangor (2007-2009)

## ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2012)

## PENGLIBATAN KEMASYARAKATAN

- Kelab Komuniti Polis, Matang Jaya

## HARAPAN DAN IMPIAN BUAT IKMAS

IKMAS adalah sebuah institusi yang amat menekankan aspek kerohanian, pendidikan dan kemahiran. Graduan yang dilahirkan merupakan seseorang yang mahir bukan sahaja di dalam bidang agama tetapi juga di bidang kemahiran. Selain itu, pertambahan pengambilan kemasukan pelajar baharu IKMAS dan kemudahan infrastruktur di kampus adalah perlu agar IKMAS setanding dengan kolej-kolej mahupun universiti-universiti di luar sana. Kini, sudah tiba masanya IKMAS mengorak langkah maju ke hadapan bagi menambahkan lagi program diploma yang sedia ada dan turut memperkenalkan program ijazah kepada masyarakat awam.

Buat para pelajar yang sedang menuntut ilmu, sentiasalah menghormati para pensyarah agar ilmu yang diterima adalah berkat. Belajar di bidang agama tidak semestinya meletakkan anda sebagai seorang ustaz selesai bergraduasi, tetapi anda belajar untuk menuntut ilmu *lillahi Taala* buat diri dan juga keluarga. Seandainya anda berpeluang untuk menuju ke kerjaya lain, sila teruskan. Jangan terlalu memilih kerjaya dengan mengharapkan ia akan datang percuma kepada anda. Oleh itu, graduan IKMAS yang telah dididik



**Tuan Syahrulhafizy bin Ghazali**

## LATAR BELAKANG

Anak kedua daripada lima orang adik beradik dan merupakan anak jati kelahiran Kuching, Sarawak. Telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai tiga orang cahaya mata; seorang lelaki dan dua orang perempuan. Beliau merupakan generasi ketiga IKMAS pada tahun 2002/2005.



Sesi temuramah yang dijalankan bersama Tuan Syahrulhafizy bin Ghazali bertempat di Bilik Mesyuarat Balai Polis Batu Kawa, Kuching

dengan asuhan agama, adalah merupakan seseorang yang sangat berintegriti dan beradab dalam setiap pekerjaan yang akan dilakukan. Insha Allah berbekalkan dengan ilmu agama, anda akan pandai membawa diri. Akhir kata, semoga maju jaya IKMAS dan berharap akan lebih ramai lagi melahirkan ilmuan Islam di bumi Sarawak.



# Majlis Khatam Hafazan Al-Quran

## Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat IKMAS



12 Mac 2021 - Seramai lapan orang pelajar Semester 6 Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) telah menerima Sijil Khatam Hafazan Al-Quran IKMAS.

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran ini telah disempurnakan oleh Pengarah IKMAS, YBr. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail yang diadakan bertempat di Dewan Kenyalang IKMAS. Majlis khatam ini dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah ad-Dhuha hingga Surah an-Nas yang dipimpin oleh pensyarah Tasmi' Darul Quran iaitu Ustaz Ahmad Syafiq. Berikutnya acara diteruskan dengan ucapan wakil pelajar DTQ iaitu saudara Afiq Syahmi yang merupakan antara pelajar terawal mengkhatamkan al-Quran al-Karim.

Acara kemuncak ialah ucapan dan amanat daripada Pengarah IKMAS, Dr. Muhammad Yamin bin Ismail. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan kepada para pelajar terutamanya pelajar DTQ agar kekal menjaga kualiti ilmu yang diperolehi. Hakikatnya ilmu mudah diperolehi tetapi sukar untuk dikekalkan, begitu jugalah dengan mengkhatamkan al-Quran, menjaga 30 juzuk al-Quran adalah lebih susah dari menghafalnya.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderahati kepada peserta majlis khatam al-Quran dan barisan tenaga pengajar. Semoga majlis khatam hafazan al-Quran ini menjadi titik tolak perjuangan para pelajar DTQ agar terus mengekalkan momentum menjaga Kalam Allah.



## MAJLIS ANUGERAH PENGARAH IKMAS



19 Februari 2021 - Majlis Anugerah Pengarah IKMAS telah diadakan bertempat di Dewan Kenyalang. Program telah dihadiri oleh YBr. Dr Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS, ketua-ketua bahagian, para pensyarah dan pelajar-pelajar IKMAS.

Majlis diadakan sederhana meriah dengan mengikut pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Majlis dimulakan dengan alunan ayat suci al-Quran beserta tadabbur. Kemudian, ucapan Ketua Bahagian Akademik IKMAS dan disusuli dengan ucapan wakil pelajar IKMAS.

Acara kemuncak ialah amanat Pengarah IKMAS. Dalam ucapan, beliau menekankan kepentingan menuntut ilmu dan menceritakan kisah Ibn Sina sebagai '*role model*' kepada pelajar bagi merealisasikan pelajar yang serba boleh, proaktif dan berwawasan tinggi. Acara diteruskan dengan tayangan montaj anugerah. Seramai 149 orang penerima anugerah kali ini iaitu bagi Diploma Dakwah Islamiyyah seramai 48 orang pelajar Semester 1, 50 orang pelajar Semester 3 dan 50 orang pelajar Semester 5. Manakala bagi Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat seramai 1 orang pelajar Semester 3.

Seterusnya ialah penyampaian sijil anugerah dan penyampaian hadiah sempena pertandingan nasyid IKMAS. Pemenang nasyid bagi kategori lelaki ialah Khitobah Umar manakala kategori perempuan ialah Khitobah Ali.

Semoga majlis anugerah ini menjadi pemangkin kepada pelajar agar terus meningkatkan kualiti diri dari segi kecemerlangan akademik dan sahsiah. Syabas dan tahniah diucapkan.





## WEBINAR PERBANDINGAN AGAMA

Ustaz  
Mohd Amir Ridhwan  
bin Abdullah



Ustaz  
Hasfa Bakhry  
bin Hassan



Ustaz  
Shuhaib bin Supani



17-18 Mac 2021 - Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menganjurkan Webinar Perbandingan Agama sebagai khidmat bakti IKMAS kepada masyarakat khususnya di negeri Sarawak. Sebagai langkah pencegahan dalam memerangi penularan COVID-19, maka webinar ini diadakan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet.

Seramai 31 orang peserta telah mengikuti webinar ini yang terdiri daripada kalangan penjawat awam dan masyarakat awam.

Antara objektif webinar ini ialah memberikan kefahaman tentang Islam sebagai *ad-Din* (cara hidup), meningkatkan komitmen umat Islam untuk menghayati Islam sebagai *ad-Din* dan melahirkan individu Muslim yang berilmu, beriman dan bertaqwa.

Antara pengisian webinar adalah menerangkan ilmu perbandingan agama, kepentingan kitab-kitab suci, isu-isu hubungan antara agama di Malaysia, konsep ketuhanan dan perbandingan serta perbandingan unsur ketuhanan dalam kepercayaan animisme dan budaya agama lain.

Para penceramah jemputan adalah Ustazah Hajjah Rogayah binti Haji Chek, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Keluarga Islam JAIS, Ustaz Mohd Amir Ridhwan bin Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS Kuching, Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan, Ketua Cawangan Agama IPK Sarawak dan Ustaz Shuhaib bin Supani, Pensyarah IKMAS.

Diharapkan daripada penganjuran webinar ini, dapat memberi manfaat buat semua peserta yang mengikutinya serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## KURSUS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

11 Februari 2021 - IKMAS telah menganjurkan Kursus Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian buat julung kalinya pada tahun ini. Kursus ini diadakan selama dua hari bermula 10-11 Februari 2021 dengan menggunakan aplikasi Google Meet. Seramai 315 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru Kafa di Bahagian Kota Samarahan telah mengikuti kursus ini.

Antara objektif kursus ialah memberi kefahaman kepada para peserta mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, melahirkan guru-guru yang mampu mempraktikkan ilmu dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran Kafa seperti persediaan mengajar dan penyampaian pengajaran dan menguasai teknik-teknik pengajaran serta psikologi dalam pendidikan.

Penceramah yang terlibat ialah Ustaz Haji Hasbullah bin Sabu, Pegawai Pendidikan Daerah Samarahan dengan tajuk "Persiapan Diri dan Persediaan Sebelum Mengajar" dan "Kaedah Pengajaran Berkesan", Ustaz Majidy bin Bujang Kachang, Penyelia Kafa PAIB Samarahan dengan tajuknya "Strategi Keberkesanan Program Pengajaran Agama", Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Pensyarah IKMAS dengan tajuknya "Psikologi Pendidikan" dan Ustaz Mohd Noorhamizan bin Hamid, Pegawai Tadbir Unit Komunikasi Awam Sarawak dengan kupasan tajuk "Teknik Mengekal Minat Pendengar".

Diharapkan penganjuran kursus ini dapat memberikan ilmu dan pengalaman yang amat berharga serta dapat memberikan penambahbaikan terhadap kualiti dan tahap pengajaran dan pembelajaran guru-guru Kafa di Sarawak.



Ustaz  
Mohd Noorhamizan  
bin Hamid



Ustazah  
Ainul Nadzifah binti  
Mohd Ali



# BENGGKEL PENULISAN JURNAL



19 Mac 2021 - Dalam meningkatkan kompetensi penulisan dalam kalangan pensyarah dan pegawai IKMAS, Bahagian Penerbitan telah menganjurkan Bengkel Penulisan Jurnal yang berlangsung di Kamar Tun, IKMAS Kampus 1. Bengkel selama dua hari yang bermula pada 18 hingga 19 Mac 2021 ini membabitkan seramai 26 orang peserta.

Antara objektif bengkel ialah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang kaedah terbaik untuk penulisan artikel, membudayakan aspek penulisan dalam kalangan warga akademik di IKMAS, serta menggalakkan para peserta untuk menerbitkan hasil penulisan berkualiti pada masa akan datang di samping memberi input tentang metode terbaik dan terkini dalam ilmu penulisan jurnal.

Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Pengarah IKMAS, YBrs. Dr Muhammad Yamin bin Ismail. Seterusnya, sesi penerangan dan perbincangan berkaitan penerbitan artikel jurnal telah dikendalikan oleh Ketua Bahagian Penerbitan, Dr Roziah binti Haji Chek. Turut dibincangkan di sepanjang bengkel ialah pemilihan konsep dan skop serta tajuk-tajuk bagi penerbitan jurnal tahun 2021.

Semoga bengkel ini dapat memberikan pencerahan dan galakan yang mendalam dalam rangka menerbitkan penulisan berimpak tinggi. Penerbitan yang berkualiti akan memberi impak kepada IKMAS dalam jangka masa panjang.

# KURSUS DAKWAH BIL KITABAH (PENULISAN)

26 Mac 2021 - Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti (CSDK), Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menganjurkan Kursus Dakwah Bil Kitabah (Penulisan) pada 25 - 26 Mac 2021, bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak.

Objektif kursus adalah untuk memberi kefahaman kepada para peserta mengenai kaedah penulisan rencana dakwah yang betul, mempertingkatkan kebolehan peserta dalam menghasilkan rencana-rencana dakwah yang berkualiti berpandukan kepada kaedah penulisan yang profesional serta melahirkan pendakwah yang mahir dalam bidang penulisan ke arah mempertingkatkan kepelbagaian uslub dakwah masa kini.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM), Jabatan Penjara Puncak Borneo dan Pasukan Gerakan Am Polis.

Penceramah jemputan bagi kursus ini adalah Encik Mohamad Faizal bin Jamil dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak. Beliau telah berkongsi kepakaran dan kemahiran beliau berkenaan kaedah dan teknik asas penulisan yang betul mengikut standard DBP, penulisan rencana dakwah, laporan berita dan serba sedikit mengenai tatabahasa dan penanda wacana dalam penulisan. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan teknik penulisan retorik dan estetika yang mana ianya merupakan satu kaedah untuk menarik minat pembaca untuk membaca rencana dan laporan yang ditulis oleh penulis.

Semoga penganjuran kursus ini akan dapat memberikan manfaat yang amat bermakna kepada para peserta dalam melahirkan dai'e melalui penulisan rencana dan laporan berita dakwah yang akan dihasilkan; demi memartabatkan dakwah menerusi penulisan sebagai salah satu medium penting penyebaran dakwah.



Encik Mohamad Faizal bin Jamil





# PROGRAM BICARA INTELEK

5 Mac 2021 - Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS menganjurkan program Bicara Inteltek dalam talian melalui platform media sosial IKMAS. Program bulanan ini menampilkan dua ahli panel iaitu Pegawai Psikologi Kaunseling di Pejabat Kesihatan Daerah Muar, Encik Mohammad Shahril bin Zaini, dan Kaunselor Berdaftar, Cik Norfatmazura binti Che Wil. Tajuk yang dibicarakan ialah "Psikologi Pembelajaran: Sejahterakah Kita."

Antara isu dan topik perbincangan ialah berkaitan kesejahteraan diri, persiapan diri menghadapi kelaziman baharu dan cara mengurus diri dengan baik. Walaupun program ini berlangsung hanya dalam talian, tetapi penglibatan peserta sangat memberangsangkan. Banyak isu dan topik yang dikupas oleh kedua-dua ahli panel.

Tajuk itu sangat bersesuaian dengan keperluan pelajar dan mengikut keadaan semasa. Sajian ilmu secara berterusan terus diamalkan agar pelajar IKMAS sentiasa meningkatkan pengetahuan diri dalam menghadapi arus kehidupan yang penuh cabaran.



## Program Ihya' Ramadan Dan Agihan Bubur Lambuk

30 April 2021 - Program Ihya' Ramadan anjuran Bahagian Pembangunan Insan, IKMAS diadakan pada 16, 23 dan 30 April 2021 bertempat di Masjid Darul Furqan, Taman Malihah, Kuching, Masjid Darul Istiqlal, Kampung Sungai Maong, Kuching, dan Masjid Al-Hidayah, Taman Banjaran Serapi, Sg. Tengah, Kuching. Ketiga-tiga buah masjid tersebut adalah merupakan lokasi pilihan bagi program Ihya' Ramadan tahun ini.

Di antara pengisian program adalah ceramah ringkas Ramadan sebelum Solat Jumaat yang disampaikan oleh pegawai IKMAS, Ustaz Abdul Rahim bin Othman. Seterusnya, program dimeriahkan dengan agihan bubur lambuk kepada masyarakat setempat sejurus selepas Solat Jumaat.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi meningkatkan penghayatan Ramadan, memupuk silaturrahim di antara masyarakat setempat dengan IKMAS, dan menjadikan program ini sebagai wahana untuk mengisi aktiviti kerohanian sempena bulan Ramadan.

Semoga bulan Ramadan ini menjadi bulan *madrasah tarbiyah ruhiyyah wa jasadiyyah* dalam mendidik diri menjadi seorang mukmin sejati dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT agar menjadi hamba yang diredhai serta selamat di dunia dan akhirat.





# KURSUS PEMBANGUNAN INSTITUSI KELUARGA



Ustaz Jamaluddin bin Hj Taim



Ustazah Hajjah Rogayah binti Haji Chek



Ustaz Mohd Saharuddin bin Jamali



Ustaz Abdul Rahim bin Othman

16-17 Februari 2021 - Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak dengan kerjasama Unit Pembangunan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) telah menganjurkan Kursus Pembangunan Institusi Keluarga sebagai khidmat bakti IKMAS kepada masyarakat. Seramai 25 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang terdiri dari kalangan penjawat awam dan masyarakat awam melalui aplikasi Google Meet.

Firman Allah SWT dalam Surah ar-Rum, ayat 21 yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Antara objektif kursus ini ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai hukum-hakam Islam dalam keluarga dan meningkatkan kemahiran peserta dalam mengurus perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan terbaik. Di antara pengisian kursus adalah menerangkan konsep dan falsafah perkahwinan, peranan akidah dalam kehidupan keluarga Muslim, peranan ibadah dalam kehidupan keluarga Muslim, tanggungjawab suami isteri, tanggungjawab bersama dan identiti rumah tangga Muslim (rumah tangga Rasulullah SAW sebagai suri teladan).

Para penceramah jemputan adalah Ustaz Jamaluddin bin Hj Taim, Ketua Bahagian Kemajuan Keluarga Islam JAIS, Ustazah Hajjah Rogayah binti Haji Chek, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Keluarga Islam JAIS, Ustaz Mohd Saharuddin bin Jamali, Unit Nikah, Cerai dan Rujuk JAIS, Ustazah Rasyidah binti Abdullah, Unit Kemajuan Saudara Kita JAIS dan Ustaz Abdul Rahim bin Othman, Ketua Unit Pembangunan Sahsiah IKMAS.

Diharapkan agar penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat buat semua peserta yang mengikutinya serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## BENGGKEL MODUL ADAB IKMAS SIRI 1/2021

24 Februari 2021 - Bengkel Penggubalan Modul Adab Siri 1/2021 telah diadakan pada 23 dan 24 Februari 2021 bertempat di Kamar Tun IKMAS. Bengkel dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak ini diadakan selama dua hari dan dihadiri oleh ketua-ketua bahagian dan para pensyarah IKMAS.

Bengkel dimulakan dengan slot perkongsian Modul SUMUR yang disampaikan oleh YBr. Ustaz Noraffendi bin Da'an, Ketua Penolong Pengarah dan YBr. Ustaz Kazman bin Nordin, Penolong Pengarah Kanan di Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Bengkel ini diadakan bertujuan bagi memenuhi keperluan perancangan KPI yang telah ditetapkan oleh IKMAS dan menyediakan modul khusus kepada pelajar berkaitan sahsiah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBr. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS.



Ustaz Kazman bin Nordin



Ustaz Noraffendi bin Da'an





# LAWATAN IKMAS KE CENTEXS



25 Februari 2021 - Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah mengadakan lawatan ke Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) Santubong. Rombongan lawatan diketuai oleh YBrs Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS. Hadir bersama pegawai-pegawai kanan dan kakitangan IKMAS.

Kehadiran rombongan IKMAS telah disambut oleh YBrs Tuan Haji Syeed Mohd Hussien bin Wan Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif CENTEXS berserta kakitangan di lobi utama. Lawatan diteruskan dengan penerangan CENTEXS yang disampaikan oleh Puan Faheezah binti Mohamad Ibrahim, Ketua Unit Latihan Digital CENTEXS.

Objektif lawatan IKMAS ke CENTEXS adalah untuk meneroka peluang berkolaboratif dalam bidang kemahiran yang sesuai kepada pelajar IKMAS. Semoga lawatan ini akan membuka banyak peluang kolaboratif bagi meningkatkan kemahiran di IKMAS.



## MAJLIS PENUTUPAN SUKMAS 2020



22 Mac 2021 - Majlis penutupan SUKMAS 2020 telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS. Hadir bersama pegawai kanan serta semua ahli pasukan yang bertanding.

Pada edisi pertama SUKMAS 2020, pasukan Hanafi dinobatkan sebagai juara keseluruhan, diikuti pasukan Syafiee naib juara, tempat ketiga pasukan Maliki dan pasukan Hanbali tempat ke-4.

Semoga penganjuran SUKMAS ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim semua warga IKMAS dan dapat mencungkil bakat kesukanan dalam kalangan semua ahli pasukan yang juga kakitangan IKMAS.





# FORUM MAHASISWA: USAHA DAN CABARAN MAHASISWA MENDEPANI ISU SEMASA

19 Mac 2021 - Kelab Pembimbing Rakan Sebaya IKMAS telah menganjurkan Forum "Usaha dan Cabaran Mahasiswa Mendepani Isu Semasa" bertempat di Dewan Kenyalang, IKMAS Kampus 1. Forum ini dihadiri oleh para pelajar Semester 2 dan 4 pengajian Diploma Dakwah Islamiyyah dengan mengamalkan penjarakan SOP yang telah ditetapkan.

Objektif forum bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang hala tuju mereka setelah melengkapkan pengajian di IKMAS dan meningkatkan motivasi mereka untuk lebih mendalami ilmu agama, membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi pelajar dan bagaimana mendepani masalah tersebut secara efektif dan berkesan serta menggalakkan pelajar untuk membuka ufuk pemikiran dalam berhadapan dengan cabaran hidup dalam suasana norma baharu.

Penceramah jemputan adalah Ustaz Wan Lukmanhakim bin Wan Sajali, Pegawai Belia HIKMAH, Ustaz Mohammad Fadhli bin Ahmat, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS dan saudara Hamzani bin Ismail, pelajar Semester 6 jurusan Diploma Dakwah Islamiyyah. Moderator forum ialah saudara Mohamad Azzimizee bin Din yang merupakan pelajar Semester 2, Diploma Dakwah Islamiyyah.

Semoga dengan penganjuran forum ini akan dapat memberikan manfaat yang amat bermakna dalam mendepani cabaran serta hala tuju sebagai seorang graduan pengajian Islam.



## BENKEL PEMURNIAN MODUL DAN PENGGUBALAN SOALAN SIJIL PROFESIONALISME IMAM NEGERI SARAWAK (SPINS) KALI KE-3



2-3 Mac 2021 - Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan kerjasama Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah mengadakan bengkel Pemurnian Modul & Penggubalan Soalan Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak (SPINS) Kali Ke-3. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk penambahbaikan modul yang sedia ada bagi mempertingkatkan kualiti para imam sesuai dengan keadaan semasa.

Antara objektif Sijil Profesionalisme Imam ini diperkenalkan semenjak 2019 adalah untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan komunikasi imam, juga meningkatkan kemahiran ilmu teras para Imam yang melibatkan pelbagai disiplin ilmu serta membantu pihak berkuasa agama negeri dalam memantapkan kemahiran Imamah di kalangan Imam.

Antara perincian bengkel yang telah dikemaskini adalah profesionalisme imam, kemahiran solat, tahsin bacaan al-Quran dan kemahiran pengurusan jenazah.

Turut hadir dalam menjayakan bengkel ini adalah Ustaz Hj Morshidi, Guru Pakar al-Quran MIS, Ustaz Hj. Hasanuddin bin Bujang, Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS, Ustaz Hj. Nizam bin Abdullah, Pegawai Lembaga Al-Hidayah, Ustaz Muhd Syafiq Sabri, Imam 1 Masjid Darul Hana Patingan, Ustaz Mohd Taquiddin bin Arosdiee, Ustaz Shuhaib bin Supani, Ustaz Mohd Safwan bin Ismail, Ustaz Mohd Kamal Khairi bin Che Awang dan Ustazah Ainul Nadzifah Mohd Ali, Pensyarah IKMAS.



## DAKWAH MENERUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT



**Ustazah Farah Wahidah binti Pilep**  
Pensyarah IKMAS

Dunia kini sedang bergerak menuju era baru. Teknologi maklumat bukan lagi suatu kemewahan tetapi merupakan suatu pra-syarat dan keperluan kehidupan manusia yang berada dalam masyarakat jaringan (*net-citizen*) pada hari ini. Dari perspektif Islam, ia memberikan satu peluang untuk menyimpan, membawa, mengumpul, memperoleh, mendapatkan semula, menyebarkan dan sebagainya maklumat yang berkaitan dengan Islam. Manakala dari perspektif dakwah pula ia memberikan ruang yang luas untuk bertemu dengan semua lapisan masyarakat untuk menyampaikan mesej Islam dan berinteraksi dengan mereka.

Menurut Aziz (1999), dakwah tidak boleh disampaikan dengan tidak menentu tanpa arah tujuan tetapi memerlukan strategi dan perancangan yang baik, sesuai dengan konsep hikmah seperti dalam surah al-Nahl ayat 125. Hikmah boleh dilakukan dengan pelbagai bentuk dan gaya, ada acara lembut dan ada acara keras. Ali al-Murshid (1989) menjelaskan hikmah itu mempunyai kekuatan yang boleh mempengaruhi sasaran. Ia juga membawa maksud sesuatu tindakan yang sesuai dan bijaksana yang dilakukan oleh pendakwah berdasarkan kesesuaian sasaran untuk dipengaruhinya.

Media baru merupakan suatu media yang berasaskan internet. Internet adalah singkatan kepada *interconnected-networking* iaitu rangkaian komputer yang terhubung di dalam beberapa rangkaian. Menurut Salleh et al. (2009), media baru adalah seperti komputer, internet, telefon bimbit PDA dan beberapa lagi media baru yang dikenali dengan ICT.

Sebut sahaja TikTok pasti ramai sudah terbayang video lucu yang sering menjadi tontonan ramai. Semestinya aplikasi ini trend yang makin hangat dan menjadi ikutan ramai orang. Terbaharu, perkongsian seorang pengguna Twitter @magmalaya telah menjelaskan beberapa manfaat yang orang ramai boleh dapat melalui aplikasi TikTok. Ramai orang beranggapan bahawa aplikasi TikTok hanyalah aplikasi untuk penggunaannya berhibur. Akan tetapi, menurutnya terdapat manfaat lain yang boleh didapati melalui aplikasi tersebut dari segi pendidikan, perniagaan (*business*), *travel*, tips kehidupan, nasihat kewangan, dakwah dan banyak lagi.

Justeru, pendakwah harus kreatif dan inovatif dalam mencorakkan dakwah agar lebih menarik dan mudah untuk mempengaruhi sasaran dakwah. Oleh yang demikian, secara tidak langsung ia mendesak pendakwah mempelajari teknologi media baharu dengan menggunakan pelbagai aplikasi penyampaian maklumat dan strategi mendekatkan diri dengan sasaran dakwah (*mad'u*).

Tidak sekadar telefon bimbit, pesanan ringkas (sms), e-mel, *WhatsApp*, panggilan video, *Telegram*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *YouTube* dan *Wechat*, kini pendakwah mula aktif menggunakan *FB Live*, *tiktok*, *bigolive* dan sebagainya untuk menyampaikan dakwah kreatif dan interaktif.

Pengguna TikTok kebanyakan dalam lingkungan kumpulan umur 12 hingga 30 tahun yang meluangkan masa sekitar sejam sehari melayari aplikasi berkenaan. Ini menjadikan aplikasi itu berpotensi untuk digunakan sebagai platform tambahan bagi dakwah. Video TikTok pendek dan berdurasi dalam 15

saat sahaja, justeru ia memerlukan kreativiti dan usaha bersungguh-sungguh bagi memastikan mesej dakwah yang disampaikan bermakna dan disukai pengguna.

Apa yang lebih menarik, capaian melalui pentas dakwah dalam talian (*online*) ini lebih luas. Jika dakwah konvensional melalui pendekatan ceramah atau kuliah di masjid dan surau hanya boleh mencapai 500 ke 1,000 audiens semasa, maka dakwah dalam talian boleh mencapai puluhan malah ratusan ribu audiens semasa. Ada yang mencecah jutaan. Demikianlah satu contoh yang mengungkap peluang buat pendakwah dalam menggalas tanggungjawab menyebarkan risalah Islam.

Dalam aplikasi TikTok, pendakwah boleh merakam video yang diiringi pelbagai genre muzik sebagai latar belakang. Irgan muzik tersebut boleh dipercepatkan, diperlahankan dan boleh ditapis dengan beberapa pengubahsuaian. Selain itu, pendakwah boleh membuat siaran langsung, sesi soal jawab berdasarkan topik yang dimuat naik ke dalam TikTok, tazkirah ringkas dan banyak lagi. Justeru, aplikasi tiktok ini membolehkan interaksi dijalankan secara dua hala antara pendakwah dan pengguna. TikTok menyediakan perkhidmatan untuk menyebarkan luas video yang telah dihasilkan ke rangkaian media sosial.

Dalam dakwah maya ini, ia mesti dirancang dengan baik agar tujuan dakwah dapat dicapai. Menggunakan fungsi pengurusan untuk menguruskan dakwah kita. Da'i mesti kreatif dan inovatif. Kenali trend yang sedang diminati oleh *mad'u* pada masa ini. Ini bukan hanya menyebarkan melalui TikTok tetapi juga menyebarkan melalui media lain. Da'i mesti dikemas kini mengenai masa dan mengikutinya. Dakwah maya semacam itu sangat rentan terhadap vandalisme, seperti penyuntingan dan penyisipan kandungan yang tidak betul. Maka anda mesti berhati-hati. Jangan menyampaikan dakwah yang tegas tetapi menyampaikan dakwah yang mudah dan murah hati. Menjadi da'i mesti pintar dan sabar. Bijak dalam menangani masalah dan sabar ketika menerima ujian. Teguhkan pengetahuan dan pengetahuan agama kita di bidang lain agar semasa kita berdakwah, kita tidak menyesatkan diri kita dan orang lain. Lakukan lebih banyak pekerjaan kerana ia akan menjadi kebaikan bagi kita. Mungkin ketika kita tidak yakin kita menghadapi banyak rintangan, jadi tetap tenang, cari jalan penyelesaian, dan berdoa.

### RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ali ibn Saleh al-Murshid. (1989). *Mustalzim al-Da'wat fi al-Asr al-Hadir*. Damanhur: T.P.
- Md. Salleh, M.S. Hayrol Azril, A.B. Bahaman, A.B. Musa, I. Narimah. (2009). Internet usage and its contribution towards agri-based productivity in Peninsular Malaysia. *Jurnal Social Knowledge*.



**AGAMA DAN MANUSIA**

Agama ditakrifkan sebagai hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dianggap dapat memberikan pertolongan. Ia merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib dan turut merupakan suatu sistem keyakinan yang dianut dan amalan yang diwujudkan oleh suatu kelompok atau masyarakat dalam mentafsirkan dan memberi respons terhadap apa-apa yang dirasakan dan diyakini sebagai yang ghaib dan suci.

Antara agama besar yang terdapat di dunia sekarang ialah Islam, Kristian, Buddhisme, Hinduism, Sikhism, Jainisme, Judaisme, Shinto, Bahai dan Zoroastrianisme. Terdapat sistem kepercayaan suku kaum primitif yang terasing dan terpisah di kawasan dunia yang berlainan dan berkembang secara bebas tanpa hubungan sejarah antara satu sama lain seperti animisme, fetisyme, shamanisme dan totemisme. Di Malaysia, agama dan etnik telah menjadi identiti kelompok yang saling melengkapi sehinggakan kelompok etnik disamakan dengan kelompok agama. Orang Melayu dianggap sebagai orang Islam, orang India sebagai agama Hindu, orang Cina dan Siam sebagai orang Buddha serta masyarakat Orang Asli dan suku kaum bumiputera di pedalaman Sabah dan Sarawak sebagai penganut animisme. Mereka yang bertukar agama dianggap telah keluar daripada kelompok etnik.

Agama terbahagi kepada dua iaitu agama ciptaan Tuhan dan agama ciptaan manusia. Agama ciptaan Tuhan atau agama samawi ialah agama yang bersumberkan wahyu Tuhan. Agama ini diturunkan oleh Allah SWT untuk memenuhi keinginan dan kecintaan jiwa manusia yang semula jadi kepada Tuhan. Agama ini diturunkan menerusi tokoh manusia pilihan Tuhan yang berjiwa suci dan luhur yang digelar rasul-rasul Allah.

Agama ciptaan manusia atau agama duniawi ialah agama yang datang daripada diri manusia. Agama ini dikenali sebagai agama alam atau agama budaya kerana agama itu lahir dalam kebudayaan, dibentuk oleh falsafah masyarakat dan dirumuskan oleh ahli fikir masyarakat. Agama ini terdiri daripada gagasan dasar dan peraturan umum yang ditetapkan oleh beberapa kumpulan yang berpengaruh supaya mereka dapat mematuhi. Agama ini tidak bersandarkan wahyu dan ajaran-ajaran rasul, sebaliknya berbentuk pengajaran dan kaedah-



**Ustaz Shuhaib bin Supani**  
Pensyarah IKMAS

kaedah umum. Agama ini lahir daripada usaha-usaha manusia mencari Tuhan dengan akal fikiran. Agama yang tumbuh melalui cara ini merupakan hasil pemikiran dan pengalaman mereka dan diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi berikutnya.

Sebahagian agama dalam kategori ini percaya kepada penjelmaan tuhan atau tuhan-tuhan dalam tubuh manusia. Terdapat juga yang mempercayai bahawa tuhan menghendaki korban jamuan dan upacara pemujaan, wujud orang suci sebagai wakil tuhan atau selaku perantara yang dapat berhubung dengan tuhan atau tuhan-tuhan. Selain itu, pengamal agama berkenaan juga memuja roh datuk nenek moyang atau roh orang tertentu. Terdapat juga penyembahan cakerawala seperti matahari dan bulan, adanya symbol seperti berhala, gambaran dan panji-panji. Selain itu, terdapat ajaran atau upacara penyiksaan diri dan pengharaman daripada nikmat hidup tertentu. Tujuannya adalah untuk mencapai kesucian diri dan restu Tuhan. Agama ciptaan manusia ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan masyarakat primitif, mundur dan terpencil.

Pesoalan mengapa manusia beragama adalah kerana ianya merupakan keperluan asasi bagi setiap manusia. Pemikiran terhadap agama telah wujud dalam diri manusia sejak mereka lahir lagi. Selain naluri semula jadi, manusia mengamalkan agama kerana warisan kebudayaan, faktor keselamatan, kesejahteraan, mengukuhkan ikatan persaudaraan dan mencari jawapan pada persoalan yang sukar dijawab.

**RUJUKAN**

- Ahmad Iqram Mohamad Noor. (2017). *50 Agama di Dunia: Antara Risalah Wahyu dan Akal*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly. (2011) *Agama-Agama di Dunia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.





Bengkel Pemurnian Amali Dakwah IKMAS  
Kali Ke-19



Daurah Kitab Siri 1



Kursus Kepimpinan  
"Membina Potensi Diri dan Impian"



Bengkel Penanda Arasan Kertas Soalan  
Peperiksaan Akhir



Taklimat Hala Tuju Strategik  
IKMAS 2020-2025



Bengkel Penyediaan Bahan  
Media Sosial IKMAS





Amali Dakwah Pelajar IKMAS Semester Akhir Secara Online



Kursus Asas Fotografi melibatkan IKMAS dan JAKIM Sarawak



Bengkel Asas Nuqaba'



"Walkabout EKSA IKMAS" Ke Arah Persijilan EKSA



Bengkel Penilaian Dokumen dan Silibus MQA-01 Sijil Pengajian Islam



Mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar bersama Pengarah IKMAS



## Sekalung Tahniah



*Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang baharu.*

## Selamat Datang



*Encik Shahril bin Othman  
Penolong Pegawai  
Hal Ehwal Islam S29*



*Encik Abdul Hady bin Adenan  
Penolong Pegawai  
Hal Ehwal Islam S29*



*Puan Aida binti Sayed Hasnu  
Pembantu Tadbir N19*



*Puan Fatin Afiqah binti Ismail  
Pembantu Tadbir N19*



*Cik Nurshahira binti Rosli  
Pembantu Tadbir N19*

## Pegawai Yang Berpindah



*Encik Karia bin Haji Rahmat  
Pegawai Hal Ehwal Islam S48*



*Encik Muhammad Razmil Rizal  
Bin Aminan  
Pegawai Hal Ehwal Islam S41*



*Encik Muhammad Fadzli  
bin Sani  
Penolong Pegawai  
Hal Ehwal Islam S29*



# JOM MASUK

## IKMAS JAKIM

### SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan Warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. Lulus Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
6. Lulus ujian temuduga.

### SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
  - i. Bahasa Melayu
  - ii. Bahasa Arab
  - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah
  - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
  - v. LULUS temudugaAtau
  - vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

اینستیتیوت کماہیران اسلام ملیسیا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Peti Surat 2867, Jalan Matang  
93050 Kuching, Sarawak  
Tel: 082 - 843 477, 475  
Faks: 082 - 843 440, 439  
Email: ikmas@islam.gov.my

ISSN 2785-8790



9772785879003